

UNTUK SIARAN SEGERA

PNB Merdeka Ventures lantik edotco Malaysia sebagai penyedia penyelesaian telekomunikasi untuk menara Merdeka 118 – bangunan tertinggi di Asia Tenggara

Kuala Lumpur, 15 FEBRUARI 2021 – PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (“PMVSB”), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (“PNB”) hari ini mengumumkan pelantikan edotco Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bagi menara Merdeka 118 yang dinantikan, selari dengan keperluan infrastruktur teknologi canggih bangunan tersebut.

edotco Malaysia akan merancang, menyediakan serta menyelenggara solusi rangkaian selular di dalam bangunan (*in-building solutions* atau *IBS*) bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan rangkaian telefon selular yang terbaik dan lancar tanpa gangguan bagi menara ikonik ini. Penggunaan teknologi IBS generasi seterusnya (*next generation*) memastikan liputan yang lebih menyeluruh serta meluaskan kawasan liputan di tempat-tempat terlindung seperti di dalam lif, ruang bawah tanah dan kawasan parkir kereta untuk mewujudkan pengalaman pengguna yang terbaik.

Antena, pengulang dan IBS generasi seterusnya akan dipasang untuk memenuhi permintaan kapasiti dan memberikan liputan yang menyeluruh bagi setiap tingkat menara, sebagai persiapan untuk penyambungan hiper masa depan. Ketersediaan infrastruktur telekomunikasi inovatif ini membolehkan pengendali rangkaian selular (MNO) menawarkan liputan berkelajuan tinggi tanpa pelaburan yang tinggi melalui model *plug-and-play* serta membolehkan teknologi infrastruktur telekomunikasi yang lebih baharu ditambah secara modular apabila kadar penghunian menara meningkat.

Ketua Pegawai Pelaburan Hartanah PNB, Encik Rick Ramli berkata, “Usaha ini menandakan perkembangan penting dari segi pembangunan menara Merdeka 118 yang semakin hampir siap. Buat masa ini, pembinaan menara telah 70% siap. Kami menantikan fasa seterusnya untuk menara Merdeka 118 dengan pemasangan teknologi infrastruktur telekomunikasi generasi akan datang bagi menyokong keperluan komunikasi masa depan. Kami yakin, berdasarkan rekod prestasi, kepakaran teknikal dan penyelesaian inovatif, edotco dapat memenuhi keperluan dinamik penghuni perniagaan dan rekreasi di menara Merdeka 118.”

Ketua Pegawai Serantau Kumpulan edotco dan Pengarah Urusan edotco Malaysia Wan Zainal Adileen berkata, “Menara Merdeka 118 merupakan salah satu pencapaian kejuruteraan yang dikagumi diperingkat antarabangsa. Kami amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerjasama dengan PNB Merdeka Ventures serta berkongsi kemampuan dan kepakaran untuk menyediakan telekomunikasi yang inovatif. Menara Merdeka 118 melambangkan kemajuan yang melangkaui generasi masa kini dan projek ini sejajar dengan komitmen edotco untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Penglibatan dalam projek mercu tanda ini merupakan titik tanda penting bagi edotco dalam menyokong Malaysia memenuhi aspirasi digital. edotco menyahut cabaran dalam menyediakan penyelesaian infrastruktur telekomunikasi yang sesuai, tepat dan boleh dikongsi, yang selangkah lebih maju dari pesaing kami.”

Perkhidmatan edotco akan merangkumi infrastruktur telekomunikasi untuk pejabat, menara hotel dan pusat membeli-belah di menara Merdeka 118. Pembangunan seluas 3 juta kaki persegi ini merupakan sebuah pencakar langit setinggi 635 meter. Sebaik siap, menara Merdeka 118 akan menjadi bangunan tertinggi di Asia Tenggara. Kerja pemasangan IBS akan dilengkapkan mengikut jadual perasmian pembukaan menara mercu tanda ini pada tahun 2022.

-TAMAT-

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (“PMVSB”), merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), diperbadankan pada bulan Jun 2000 bagi membangunkan presint Merdeka 118, dan juga pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak “Warisan Kebangsaan” pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak dari itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pasifik) di 2008. Untuk maklumat lanjut, sila layari merdeka118.com

Mengenai edotco Group

Ditubuhkan pada tahun 2012, edotco adalah syarikat perkhidmatan infrastruktur menara telekomunikasi serantau dan bersepadu yang pertama di Asia. Ia menyediakan penyelesaian menyeluruh dalam sektor perkhidmatan struktur menara telekomunikasi dari pajakan menara, perkongsian menara, pembinaan selaras “build-to-suit”, tenaga, dan operasi dan penyelenggaraan (O&M).

Dengan portfolio serantau yang merangkumi lebih dari 31,500 menara di seluruh pasaran utama di Malaysia, Myanmar, Bangladesh, Kemboja, Sri Lanka, Pakistan, Laos dan Filipina di mana lebih 19,991 menara dikendalikan terus oleh edotco dan 11,521 menara yang diuruskan melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan. edotco berusaha untuk memberikan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan dan penyelesaian infrastruktur telekomunikasi. Perkhidmatan pengawasan masa nyata

edotco Malaysia Sdn Bhd 1022843-U
Level 19 Axiata Tower
9 Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel +60 3 2262 1388
Fax +60 3 2262 1308/9
Web www.edotcogroup.com

yang terkini dari edotco, Echo, telah menampakkan peningkatan dalam operasi lapangan di samping memaksimumkan kecekapan operasi dari segi penggunaan bateri, tenaga dan penggunaan bahan api untuk infrastruktur telekomunikasi.

Kumpulan edotco telah dimartabatkan dengan Anugerah Syarikat Menara Telekomunikasi Asia Pasifik 2020 oleh Frost & Sullivan untuk 4 tahun berturut-turut atas kepimpinannya dalam pertumbuhan dan prestasi perniagaan yang cemerlang di Asia Pasifik.

Untuk maklumat lanjut mengenai edotco, sila layari www.edotcogroup.com

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

1. *Liza Karim, Ketua Komunikasi, Jabatan Komunikasi, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad* | lizakarim@pnb.com.my
2. *Natalia Ghani, acorn communications* | natalia@acornco.com.my | 012-231 4782